

PKP masih berbaki menuntut kerjasama semua pihak

Prof Madya
Dr Sofiah
Md Auzair

Pensyarah Pusat Kajian
Perniagaan Global dan Digital
Ekonomi, Fakulti Ekonomi
dan Pengurusan, Universiti
Kebangsaan Malaysia

Harapan rakyat Malaysia menyaksikan angka kes COVID-19 baharu menurun, semakin cerah. Barisan hadapan yang bertungkus-lumus mengurus dan merawat pesakit, mengimpikan sejarah hitam segera berakhir. Setiap lapisan masyarakat tentu teruja memulakan kehidupan pasca-COVID-19.

Strategi kerajaan menangani pandemik ini dalam mengatur kebiasaan masyarakat menyaksikan kawalan fasa demi fasa sebelum rakyat dilepaskan dengan kawalan diri sendiri. Pun begitu, pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) me-

ngundang pelbagai reaksi dalam masyarakat.

Kegusaran dizahirkan melalui media sosial membayangkan keimbangan disiplin dan kepatuhan masyarakat mendepani norma baharu. Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memasuki hari ke-41 ketika Perdana Menteri mengumumkan PKPB, ketidakpatuhan mula kelihatan di sana-sini. Ketara bagi sesetengah orang, kawalan sendiri sukar dibudayakan.

Simbolik 40 hari bertujuan mengubah kebiasaan individu seakan tidak terlintas dalam masyarakat kerana memandang remeh PKPB. Masyarakat harus peka perjuangan menghentikan penularan COVID-19 dalam pelbagai spektrum kehidupan bertujuan memastikan krisis ekonomi dan kemanusiaan tidak berpanjangan.

Saban hari Kementerian Kesihatan mengingatkan 'perjuangan belum selesai' dalam mendepani COVID-19. Keputusan PKPB diambil selepas mempertimbangkan Malaysia memenuhi enam kriteria ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pertama, negara memperketatkan kawalan di sempadan bagi mengelakkan kes import COVID-19. Kedua, rakyat yang pulang dari luar negara wajib melalui kuarantin. Ketiga, negara melaksanakan PKP yang dapat mengurangkan kadar jangkitan dalam kalangan rakyat tempatan.

Keempat, negara memiliki keupayaan kemudahan kesihatan dan berupaya menjaga golongan berisiko. Kelima, wujud amalan norma baharu dalam kehidupan seperti tidak berkumpul atau bersalam, penjarakan sosial dan pemakaian pelitup muka. Keenam, pemerkasaan komuniti supaya bertanggungjawab menjaga kawalan tidak dijangkiti.

Dalam menangani krisis ekonomi dan kemanusiaan, pemulihan sektor ekonomi perlu seiring pemulihan sosial. Pengumuman Perdana Menteri menunjukkan anggaran kerugian RM2.4 bilion setiap hari sejak PKP dilaksanakan, membawa jumlah kerugian keseluruhan RM63 bilion.

Langkah pemulihan ekonomi perlu dilakukan berhati-hati, manakala sebarang kesilapan boleh mencetus-

kan krisis ekonomi dan kemanusiaan kritikal. Pemulihan ekonomi perlu mengambil kira individu terkesan terutama usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Strategi ini perlu memikirkan pendapatan isi rumah terjejas akibat COVID-19. Pemulihan sosial turut membabitkan kes keganasan rumah tangga semasa PKP yang sepatutnya memberi ruang masa lebih bersama ahli keluarga. Ia disalahgunakan individu tertentu dengan melakukan kes keganasan rumah tangga. 130 aduan kes keganasan rumah tangga diterima melalui Talian Kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

Keputusan sukar perlu dilakukan pihak berwajib supaya pemulihan ekonomi dan sosial berjaya dicapai. Persoalan bermain di minda, bersedikah masyarakat kita yang terkenal dengan budaya peramah dan mesra mengekalkan jarak sosial 1 meter?

Bolehkah individu makan satu meja seorang di restoran sedangkan makan tengah hari selama ini waktu bersosial? Adakah rakyat bo-

leh mengadaptasi perubahan untuk membudayakan kawalan sendiri?

Hakikatnya, PKP yang masih berbaki amat menuntut kerjasama setiap individu, bukan semata-mata menunggu arahan pihak berkuasa. Jika kawalan sendiri mampu dilakukan, tentunya kos kerajaan melakukan sekatan jalan raya dan mengeluarkan pelbagai arahan serta prosedur dapat diminimumkan. Teori kawalan pengurusan menunjukkan kawalan sendiri paling murah tetapi berkesan untuk dilaksanakan dalam mana-mana organisasi.

Persoalannya, bagaimanakah memiliki kawalan sendiri kukuh? Pasti, pendidikan dan latihan disiplin tertentu berupaya membentuk budaya baharu untuk kawalan sendiri lebih berkesan.

Ujian paling ketara apabila masyarakat menyambut Aidilfitri dalam suasana perlu menyeimbangkan pergerakan terkawal dan keinginan terus meriah. Semoga kehidupan lebih terkawal ketika PKP berupaya mendidik majoriti rakyat Malaysia membudayakan kawalan sendiri selari perjuangan mengatasi COVID-19.